

29 FEB 2000

Samy-estet

ESTET: MIC MINTA CAMPUR TANGAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, Feb 29 (Bernama) -- MIC berusaha mendapatkan campur tangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi kira-kira 200,000 pekerja estet di negara ini, kata presiden parti itu Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata laporan akan dikemukakan kepada Kabinet dalam tempoh dua minggu lagi. Laporan itu menggariskan masalah yang dihadapi pekerja estet seperti gaji bulanan, perumahan, pendidikan dan keadaan ekonomi mereka.

Salinan laporan itu telah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

"Masalah pekerja estet perlu diselesaikan oleh kerajaan dan tidak dibiarkan kepada sektor swasta sahaja," katanya kepada pemberita selepas melancarkan komputer desktop LCD yang dikeluarkan oleh Maika Technologies Sdn Bhd di sini.

Maika Technologies, anak syarikat Maika Holdings Berhad bergabung dengan D.P. Computers Pte. Ltd. Singapore untuk mengedarkan komputer itu di Malaysia.

Berkaitan rundingan yang gagal antara Kesatuan Pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) dan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaya (MAPA), Samy Vellu berkata beliau diberitahu oleh setiausaha agung NUPW G.Sankaran hari ini berkaitan perkara itu dan rancangan kesatuan untuk mengadakan mogok di seluruh negara.

"Nasihat saya ialah agar mereka mematuhi undang-undang dan merujuk kepada Pendaftar Pertubuhan sebelum berbuat sesuatu," katanya.

Berkaitan dengan Pusat Latihan Rekrut Tentera Laut (Pularek) di Tanjung Pengelih, Johor, Samy Vellu, yang juga menteri Kerja Raya berkata kementerian akan mengambil tindakan terhadap kontraktor yang bersalah.

Samy Vellu berkata pada mulanya terdapat kira-kira 13,000 kerosakan dan kebanyakannya telah dibaiki, bagaimanapun kerja-kerja membaiki terpaksa dilakukan semula kerana kementerian tidak berpuas hati.

Samy Vellu berkata beliau akan menetapkan tarikh dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak bagi kedua-dua mereka melawat Pularek tidak lama lagi.

"Isu ini bukan sebuah skandal sebagaimana yang difikirkan orang ramai. Kontrak projek itu diluluskan oleh Perbendaharaan. Kita hanya sebagai badan pengawas. Ini adalah projek besar tetapi kita tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk mengawasi," katanya.

Projek bernilai RM195 juta itu menjadi kontroversi berikutan retakan di beberapa blok kompleks tersebut.

-- BERNAMA

RV RI